



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

DELEGASI ADMINISTRATION FOR MARKET REGULATION OF GUANGXI ZHUANG AUTONOMOUS REGION OF CHINA (GXAMR) LAWATAN RASMI KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 – 5 OGOS 2025

1. Negara Brunei Darussalam telah menerima kunjungan rasmi daripada delegasi *Administration for Market Regulation of Guangxi Zhuang Autonomous Region of China (GXAMR)* yang terdiri daripada enam (6) orang pegawai dan diketuai oleh Yang Mulia Tuan Ji Erming. Lawatan berlangsung selama dua (2) hari, bermula 4 hingga 5 Ogos 2025, dan disambut oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) bertempat di bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.
2. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Tuan Allen On, Pengarah Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) selaku Setiausaha Agung Bersama Koridor Ekonomi Brunei–Guangxi (BGEC) yang menyambut kehadiran delegasi serta menegaskan komitmen kukuh Negara Brunei Darussalam terhadap jalinan kerjasama bersama Guangxi. Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama teknikal dalam bidang standardisasi, metrologi, penilaian kesesuaian dan pembangunan peraturan, yang merupakan pemacu utama kepada perdagangan, inovasi dan infrastruktur kualiti. Usaha ini, menurut beliau, secara langsung menyumbang kepada pencapaian objektif strategik Koridor Ekonomi Brunei–Guangxi.
3. Dalam sesi perbincangan, kedua-dua pihak telah menyatakan komitmen yang tinggi untuk memperluas kerjasama dalam bidang-bidang berikut:
 - Pertukaran maklumat berkaitan piawaian teknikal dan peraturan;
 - Penganjuran bengkel bersama serta pertukaran teknikal;
 - Pelaksanaan program latihan serta pembangunan kapasiti bagi pegawai teknikal baru;
 - Kerjasama di peringkat makmal merangkumi aktiviti kalibrasi, pengujian dan pensijilan; dan
 - Sokongan bagi pilot kerjasama dalam bidang halal, keselamatan makanan dan perdagangan digital.

4. Antara topik utama yang dibincangkan adalah rancangan Negara Brunei Darussalam untuk memperkukuh sistem metrologi kebangsaan melalui penubuhan *National Metrology Institute* (NMI) sebagai pelengkap kepada *National Quality Infrastructure* (NQI). Kepakaran teknikal dan pengalaman institusi GXAMR adalah dialu-alukan sebagai aset penting yang berpotensi menyokong usaha pembangunan keupayaan teknikal, penyediaan modul latihan serta kesiapsiagaan sistem dalam penubuhan institut tersebut.
5. Sepanjang lawatan rasmi ini, delegasi telah mengadakan perbincangan dengan Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (BDSAC) serta membuat lawatan ke Unit Standard Sukatan (MSU), kedua-duanya di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai amalan standardisasi, akreditasi dan metrologi di Negara Brunei Darussalam. Lawatan tersebut juga bertujuan untuk meninjau pelaksanaan sebenar di peringkat operasi serta mengenal pasti bidang-bidang yang berpotensi untuk dimajukan melalui kerjasama di peringkat institusi pada masa akan datang.
6. Lawatan ini mengukuhkan komitmen bersama dalam memajukan Koridor Ekonomi Brunei–Guangxi melalui praktikal, kerjasama teknikal yang menyumbang kepada pengukuhan sistem kualiti kebangsaan serta memudahkan integrasi ekonomi yang lebih meluas antara kedua-dua pihak.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.
E-mel: ibe@mofe.gov.bn

Rujukan: MOFE/IBE/18(J)
Tarikh: 14 Safar 1447H/ 8 Ogos 2025

